



**GARIS PANDUAN LANGKAH-LANGKAH KAWALAN COVID-19 BAGI INDUSTRI PEMBINAAN
SEMASA FASA PERALIHAN BERMULA PADA 19 NOVEMBER 2021
DIKELUARKAN OLEH AUTORITI KAWALAN BANGUNAN DAN INDUSTRI PEMBINAAN (ABCI)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dokumen ini menyediakan langkah-langkah di mana syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan, Kementerian Pembangunan dibenarkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti semasa fasa peralihan bermula 19 November 2021 dalam Rangka Kerja Pemulihan COVID-19 Kebangsaan. Dasar penggunaan Antigen Rapid Test (ART) untuk pengesanan awal penyakit dan memperkenalkan sekatan yang berbeza bagi individu sudah divaksinasi dan belum divaksinasi adalah bagi memastikan pematuhan kepada langkah teras yang disenaraikan di bawah langkah-langkah Kawalan COVID-19.

Sebagai panduan berterusan, syarikat-syarikat juga boleh merujuk kepada Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Wabak Covid-19 di Tapak Pembinaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan sebelum ini untuk digunapakai dalam menjalankan kerja-kerja di tapak pembinaan, sebagai amalan langkah pencegahan wabak COVID-19.

1. PENGGUNAAN APLIKASI BRUHEALTH

- a. **Mendaftar BruHealth:** Semua tapak-tapak kerja projek termasuk pengubahsuaian di rumah-rumah kediaman dan bangunan komersial serta kemudahan-kemudahan tempat tinggal yang disediakan di tapak bina mesti menggunakan kod QR Bruhealth. Syarikat boleh mendapatkannya melalui lama-web kementerian Kesihatan www.healthinfo.gov.bn
- b. **Mengimbas Kod BruHealth:** Pemilik Syarikat/ Pengurus projek/ penyelia tapak projek dan/atau Penyelia keselamatan kerja syarikat di tapak bina atau *HSE coordinator* hendaklah memastikan semua pekerja dan pelawat yang dibenarkan di tapak projek membuat imbasan aplikasi BruHealth mereka sebaik sahaja masuk ke tapak projek.

- c. **Warna Kod BruHealth:** Pemilik Syarikat/ Pengurus projek/ penyelia tapak projek dan/atau Penyelia keselamatan kerja syarikat di tapak bina dan/atau *HSE coordinator* hendaklah memastikan hanya individu yang mempunyai kod BruHealth berwarna hijau dan kuning dibenarkan masuk dan berada di tapak projek. Kad pengenalan pelawat yang dibenarkan hendaklah diperiksa sebagai pengesahan.
- d. **Penggunaan Aplikasi BruHealth adalah dimestikan.** Tanpa aplikasi BruHealth, individu adalah tidak dibenarkan masuk atau berada di tapak projek.

2. STATUS VAKSIN

- a. Mana-mana pekerja yang belum menerima sebarang vaksin tidak dibenarkan masuk ke dalam mana-mana kawasan tapak binaan dan premis operasi syarikat.
- b. Pemilik Syarikat hendaklah memastikan semua pekerja binaan/kakitangan syarikat layak diberi vaksin (tiada kontra-indikasi perubatan) telah melengkapkan sekurang-kurangnya satu dos vaksin, dan memastikan pekerja tersebut melengkapkan dos ke-dua vaksin pada waktu yang telah ditetapkan dan ditentukan oleh Kementerian Kesihatan.
- c. Agensi-agensi berkepentingan berhak mengambil tindakan kepada mana-mana syarikat yang gagal dan masih tidak mengendahkan arahan untuk melengkapkan vaksin pekerja syarikat bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pekerja-pekerja syarikat pembinaan dan individu lainnya yang diperlukan semasa mereka berada di tapak bina atau di luar tapak bina.
- d. Arahan ini adalah bagi keseluruhan semua pekerja-pekerja pembinaan yang diaturkan untuk bekerja dalam satu-satu projek atau tapak bina projek, walaupun mereka dari syarikat-syarikat Pembina yang berbeza.
- e. Hanya syarikat-syarikat Pembina yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dibenarkan untuk melaksanakan sebarang aktiviti pembinaan seperti di bawah Perintah Kawalan Bangunan 2014 dan hanya pekerja-pekerja pembinaan yang sah didaftarkan dalam daftar syarikat di Jabatan Buruh, yang dibenarkan untuk berada di tapakbina tersebut.

- f. Hanya pekerja syarikat yang mempunyai vaksin yang lengkap (sekurang-kurangnya 2 dos vaksin) dibenarkan masuk dan melaksanakan kerja-kerja pembinaan bagi projek-projek di dalam kawasan rumah atau bangunan kediaman/unit-unit komersial yang sedia ada. Pekerja-pekerja yang belum atau hanya menerima satu dos vaksin adalah **tidak dibenarkan**.
- g. Manakala hanya tapak-tapak binaan yang mempunyai kawasan yang luas bagi menampung keramaian pekerja pada satu-satu masa dengan mengamalkan penjarakan sosial tidak kurang dari 1.5 meter setiap seorang, serta mempunyai jarak sekurang-kurangnya 6.0 meter dari sebarang kawasan awam atau perumahan atau bangunan komersial atau bangunan pejabat-pejabat, yang dibenarkan menggunakan pekerja binaan/kakitangan syarikat yang telah melengkapkan sekurang-kurangnya satu dos vaksin.
- h. Mana-mana individu, bukan dari pekerja syarikat, hendaklah melengkapkan vaksin sepenuhnya sebelum dibenarkan memasuki mana-mana kawasan tapak binaan mahupun premis syarikat.

i. **Perhatian:**

Seseorang individu dianggap telah diberi vaksin sepenuhnya jika dia telah menerima rejimen vaksin yang di dalam Senarai Penggunaan Kecemasan WHO (WHO EUL) atau vaksin yang diluluskan oleh Brunei Darussalam Medicines Control Authority (BDMCA).

Status vaksinasi dalam buku BruHealth, Sijil Vaksinasi Antarabangsa atau Buku Profilaksis (Buku Kuning) individu atau rekod vaksinasi lain yang boleh diterima boleh ditunjukkan kepada pengurusan premis atau penganjur acara sebagai bukti vaksinasi.

3. **MEMAKAI SUNGKUP MUKA:**

- a. Semua pelawat ke tapak bina hendaklah memakai penutup hidung dan mulut sepanjang keberadaan di tapak bina.
- b. Pekerja binaan hendaklah memastikan memakai penutup hidung dan mulut apabila bekerja di tempat yang tertutup bersama pekerja yang lain atau di dalam pengangkutan pekerja yang disediakan oleh syarikat atau persendirian.

- c. Pekerja dibolehkan membuka sungkup muka apabila:-
- i. bekerja dalam kawasan terbuka, dibawah matahari dan mempunyai penjarakan sosial tidak kurang dari 1.5 meter agar pekerja tidak berada atau bekerja berdekatan di antara satu sama lain; atau
 - ii. berada dalam mana-mana kawasan di tapak bina samada dalaman (tertutup) atau luaran tanpa ada mana-mana individu lain.
 - iii. Apabila makan dan minum di kawasan rehat atau umum di tapak bina dengan mengamalkan penjarakan social sekurang-kurangnya 1.5 meter di antara yang lain.

4. KEBERSIHAN TANGAN DAN ETIKA BATUK DAN BERSIN:

- a. Syarikat pembina hendaklah mewujudkan kesedaran mengenai simptom wabak COVID-19, dengan menjaga kebersihan dan kesihatan diri, mengamalkan kerap membasuh tangan dengan air dan sabun atau cecair pencuci tangan (hand sanitizer) dan mengikut etika batuk dan bersin yang baik kepada pekerja-pekerja.

5. PENJARAKAN SOSIAL:

- a. Langkah-langkah menjauhkan fizikal yang telah ditetapkan: sekurang-kurangnya 1.5 meter antara individu.
- b. Hadkan pergerakan pemandu dan kenderaan ke kawasan pemunggahan. Sila rujuk kepada Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Wabak Covid-19 di Tapak Pembinaan.

6. PENGUDARAAN KAWASAN TERTUTUP:

- a. Syarikat hendaklah memastikan mana-mana kawasan tertutup mempunyai pengudaraan yang mencukupi bagi membolehkan pekerja-pekerja berada di ruangan tersebut.

7. PEMANTAUAN KESIHATAN DIRI:

- a. Para majikan dan pemilik syarikat bertanggungjawab dalam memastikan setiap pekerja melaporkan tahap kesihatan mengikut BCP masing-masing. Sila pastikan pemantauan dilaksanakan keatas tahap kesihatan pekerja setiap hari.

- b. Individu yang mempunyai gejala atau simptom tidak dibenarkan hadir dan memasuki tapak pembinaan projek.
- c. Memaklumkan segera kepada *HSE coordinator* sekiranya terdapat sebarang masalah kesihatan dalam kalangan pekerja selepas pulang dari kerja,
- d. Kakitangan/pekerja syarikat dikehendaki untuk melakukan Antigen Rapid Test (ART) mengikut kekerapan sepertimana arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

8. KAPASITI PEKERJA DI TAPAK-TAPAK PROJEK:

- a. Kapasiti pekerja di tapak bina adalah tertakluk kepada jumlah tenaga kerja yang diperlukan bagi setiap projek serta keluasan kawasan projek. Peraturan 50% kapasiti tempat kerja perlu diaplikasikan jika sekiranya perlu berada di kawasan atau ruangan kerja yang sempit dengan jumlah pekerja yang ramai. Manakala bagi ruangan yang luas bolehlah menjalankan aktiviti pada kapasiti yang diperlukan dengan mematuhi SOP kawalan jangkitan COVID-19. Kapasiti adalah termasuk pelawat dan kakitangan.
- b. Dikehendaki mempamerkan kapasiti atau jumlah pekerja semasa di pintu masuk/ruang keluar masuk tapak bina atau di ruangan papan maklumat di pejabat tapak bina sekiranya diperlukan.
- c. Menyediakan rekod/manual amalan pengurusan kebersihan tapak bina / premis seperti memasukkan barang barang dan perkhidmatan, lawatan Autoriti, pihak syarikat lain dan sebagainya
- d. Syarikat pembina hendaklah memastikan tempat kediaman pekerja samada di tapak atau lain-lain adalah selamat dan menepati Employment Order, 2009 dan Building Control (Temporary Buildings) Regulations, 2014. Untuk makluman, pada masa ini, pihak-pihak berkepentingan sedang mereviu garis panduan rekabentuk minima bagi domitori pekerja dalam dan luar tapak bina dan tempat tinggal pekerja di premis-premis kediaman bagi kategori bukan domitori.

- e. Bagi kemajuan yang mempunyai kediaman pekerja di luar tapak pembinaan, kebersihan dan pemantauan pergerakan pekerja hendaklah dilaksanakan secara berterusan. Pergerakan keluar/masuk pekerja hendaklah dipantau dan dihadkan.

9. WAKTU BEKERJA

- a. Waktu bekerja adalah tertakluk kepada standard syarikat dan keperluan dari masa ke semasa. Walaubagaimanapun, bagi tempoh waktu bekerja untuk pekerja kritikal (*Critical workers*) semasa tempoh Ops-Peralihan perlulah mendapatkan kebenaran dari Kementerian Pembangunan bagi sektor industri pembinaan iaitu dari jam 10 malam hingga 4 pagi.

10. SANITASI DAN KEBERSIHAN KAWASAN TAPAK DAN TEMPAT TINGGAL SEMENTARA PEKERJA:

- a. Syarikat-syarikat mesti melantik kakitangan untuk melaksanakan pembersihan dan pengemasan yang lebih kerap setiap hari ke atas premis-premis yang terdapat di tapak bina seperti ruangan pejabat di tapak bina, struktur atau bangunan tempat tinggal sementara di tapak bina, dan domitori tempat tinggal pekerja samada di dalam mahupun di luar tapak pembinaan.
- b. Syarikat juga disyorkan membuat disinfeksi kawasan yang kerap di diami oleh pekerja-pekerja / pelawat ke tapak projek.
- c. Gunakan cecair disinfeksi secara kerap kepada kawasan yang kerap disentuh seperti pegangan tangan, tombol/pemegang pintu, kotak surat, papan kenyataan, paparan digital, panel skrin sentuh, meja dan kerusi, ruangan tidur dan sebagainya;
- d. Sediakan cecair disinfeksi tangan di tempat orang kerap berlalu lintas;
- e. Pastikan tong sampah ditutup pada setiap masa dan dibersihkan setiap hari. Ikat sampah yang terkandung dalam beg plastik dengan betul sebelum dibuang di pusat tong;
- f. Bersihkan segera sebarang tumpahan sampah;
- g. Basuh dan nyah kuman semua tong sampah, ruang tong dan pusat tong sampah jika perlu;
- h. Libatkan kontraktor pembuangan sampah berlesen untuk pembuangan sampah setiap hari;
- i. Pastikan ventilasi yang mencukupi di dalam tandas atau gunakan pembersih udara, jika boleh; dan
- j. Bersihkan dan mendisinfek semua peralatan pembersihan serta-merta selepas digunakan.